



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan : KP/18

Tarikh : 21 hb. Ogos 2018

“BERJIMAT SAMBIL BERKHIDMAT”

Pengerusi / Setiausaha / AJK
Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

MAKLUMAN BERHUBUNG :

**KHIDMAT TAKAFUL KENDERAAN & LAIN-LAIN TAKAFUL AM
DAN
PENAWARAN SEBAHAGIAN HASIL KOMISYEN TAKAFUL
KEPADA ANGGOTA KOPERASI PDRM**

1. LATARBELAKANG

1.1 Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (Koperasi PDRM) telah dilantik sebagai sebagai ejen korporat kepada Etiqa Family Takaful Berhad (EFTB) dan Etiqa General Takaful Berhad (EGTB), syarikat-syarikat dalam kumpulan Maybank Berhad yang merupakan kumpulan terbesar dalam industri takaful dan insurans di Malaysia.

1.2 Selain dari syarikat utama dalam industri ini, mereka juga mempunyai rekod yang baik dari segi penyampaian perkhidmatan serta tahap kepuasan pelanggan. Untuk potfolio takaful kenderaan bermotor misalnya, Etiqa Takaful telah dinobatkan sebagai pemenang anugerah tahap kepuasan pelanggan berdasarkan kajiselidik pasaran bagi tempoh kajian 2017/2018.

1.3 Melalui kerjasama dengan EFTB dan EGTB, Koperasi PDRM berhasrat menawarkan produk-produk takaful yang sebahagiannya merupakan keperluan kepada anggota-anggota PDRM, misalnya takaful kenderaan bermotor.

1.4 Sebagai sebuah badan koperasi yang terkandung elemen kebajikan dalam operasinya, Koperasi PDRM berhasrat untuk berkongsi sebahagian dari pendapatan komisyen yang diperoleh dengan anggota / ahli keluarga yang melanggan khidmat takaful melaluinya.

2. TUJUAN

2.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua anggota KPDRM berhubung penawaran produk-produk takaful kepada anggota koperasi dan ahli keluarga mereka.

2.2 Menawarkan sebahagian dari pendapatan komisyen takaful kepada anggota/ahli keluarga yang melanggan produk-produk takaful am melalui Koperasi PDRM. Kadar perkongsian sehingga 50% daripada komisyen yang diterima dan akan diaggih melalui pemberian rebat serta merta (secara nett daripada jumlah premium).

3. PRODUK-PRODUK TAKAFUL AM YANG DITAWARKAN

3.1 Antara produk takaful am yang ditawarkan termasuklah :-

- Takaful kenderaan bermotor
- Takaful Perumahan (house owner/house holder/fire)
- Takaful Kembara / perjalanan (travel)
- Lain-lain produk takaful khusus.

3.2 Bagi peringkat awal penawaran, Koperasi PDRM akan bermula dengan takaful kenderaan bermotor yang merupakan keperluan bagi pemilik-pemilik kenderaan. Walau bagaimanapun, bagi lain-lain produk, anggota boleh menghubungi Koperasi PDRM bagi mendapatkan sebutharga takaful.

4. TAKAFUL KENDERAAN BERMOTOR

4.1 Takaful kenderaan bermotor merupakan polisi mandatori bagi setiap kenderaan bermotor di Malaysia. Polisi ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu :-

- Polisi pihak ketiga
- Polisi pihak ketiga, kebakaran dan kecurian
- Polisi Komprehensif

4.2 Di peringkat awal Koperasi PDRM hanya menawarkan polisi komprehensif kepada anggotanya.

4.3 Kaedah pembelian takaful motor dari Koperasi PDRM

4.3.1 Hubungi Koperasi PDRM melalui :-

- Talian : 03-22608859
- Email : insurans@kpd.com.my
- Whatapps : 010 3589893

4.3.2 Majukan salinan dokumen / maklumkan :-

- Salinan notis pembaharuan polisi atau
- Salinan geran / pendaftaran kenderaan
- Nyatakan perlindungan pilihan (contohnya *windscreen*), jika ada.

4.3.3 Berdasarkan dokumen di atas, Koperasi PDRM akan menjana sebutharga yang terkandung jenis perlindungan, jumlah perlindungan serta sebutharga sumbangan / premium.

4.3.4 Setelah bersetuju, anggota akan memajukan pembayaran premium setelah ditolak 5% rebat. (separuh daripada 10% komisyen yang diterima).

4.3.5 Koperasi PDRM seterusnya akan menjana nota perlindungan (e-cover note) dan seterusnya memaklumkan status penerimaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan bagi membolehkan anggota mendapatkan cukai jalan.

4.4 Penawaran khidmat ini akan ditambah baik melalui beberapa kemudahan yang sedang dibangunkan termasuk :-

- pembelian / khidmat penghantaran cukai jalan
- pembelian takaful motor + cukai jalan melalui kemudahan bayaran ansuran melalui pemotongan gaji.
- pembelian secara online melalui laman web Koperasi PDRM.
- penawaran polisi pihak ketiga dan polisi pihak ketiga, kecurian dan kebakaran.

5. KELEBIHAN TAKAFUL MOTOR ETIQA

5.1 Bermula 1hb. Julai 2017, Kerajaan telah melaksanakan Liberalisasi Tarif Insurans Kenderaan di mana harga premium tidak lagi dikawal oleh Bank Negara Malaysia, yang matlamat akhirnya akan menguntungkan pengguna. Lanjutan dari keputusan ini, syarikat-syarikat insurans dan takaful telah bersaing bagi menawarkan pakej perkhidmatan masing-masing.

5.2 Bagi tempoh kajian 2017/2018, pakej penawaran kumpulan Etiqa bukan sahaja amat kompetitif dari segi harga namun telah memenangi anugerah tahap kepuasan pelanggan.

5.3 Antara kelebihan Takaful Kenderaan Etiqa ialah :-

- Harga sumbangan / premium yang kompetitif
- Kelulusan membaik pulih yang cepat (sasaran 30 minit selepas menerima kos anggaran)
- Bengkel panel yang berkualiti, di tapis bagi mendapatkan status Etiqa Premier Panel Repairer.
- Etiqa Auto Assist Mobile Application (melalui telefon pintar)
 - Membolehkan peserta akses kepada khidmat bantuan auto assist serta merta apabila berlaku kerosakan / kemalangan.

- Menerima khidmat sokongan secara atas talian
 - Pengesanan lokasi kejadian melalui GPS.
 - Mendapat bantuan dengan cepat.
- Etiqa Auto Assist
 - 24 jam bantuan kepada korosakkan kenderaan (2 jam upah pembaikan percuma)
 - 24 jam bantuan penarikan kereta sehingga 200 km (menggunakan kaedah King Dolly / Flatbed tanpa kos tambahan)
 - Kawasan operasi merangkumi Malaysia, Singapura, Thailand dan Brunei.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Penawaran khidmat takaful kenderaan dan lain-lain takaful am berkuatkuasa pada 15hb. Ogos 2018.

6. RUMUSAN

6.1 Produk-produk takaful merupakan keperluan kepada anggota. Dalam usaha mempelbagaikan khidmatnya, Koperasi PDRM menawarkan penjualan produk-produk takaful kepada anggota pada harga yang lebih kompetitif berbanding pembelian melalui ejen luar. Sebahagian daripada pendapatan komisyen yang diterima akan dikongsi dalam bentuk rebat serta merta, dan ianya merupakan penjimatan kepada anggota. Hasrat Koperasi PDRM ialah supaya anggota mendapat lebih manfaat dari aktiviti-aktiviti ekonomi yang diceburi.

6.2 Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan di pohon untuk menghebahkan perkara ini kepada anggota di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“SEJAHTERA BERSAMA KOPERASI PDRM”

Yang Benar


DATO' ZULKAPLI BIN AHMAD
Setiausaha

s.k 1. Pengerusi
2. Anggota Lembaga Koperasi